

TAK HABIS-HABIS UMNO MENIPU RAKYAT ...

Written by Administrator
Monday, 25 June 2012 12:21



Mereka ingat ... RAKYAT senang diperbodohkan ker ???? WOI Pemimpin UMNO YANG HAPRAK ko nak tipu siapa ...HAH ... TIPU RAKYAT atau TIPU DIRI SENDIRI ...

Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (ANAK) mendakwa prospektus Felda Global Ventures Holdings (FGVH) "menipu" kerana menyenaraikan tanah Felda di negeri Pakatan Rakyat sebagai aset bagi tujuan penyenaian di Bursa Malaysia.

Presiden ANAK Mazlan Aliman berkata, negeri Pakatan khususnya Kelantan tidak pernah menyerahkan tanah untuk proses penyenaian dan dinyatakan Menteri Besar Datuk Nik Aziz Nik Mat sendiri.

"Kenapa (ia) ditulis dalam prospektus ini? (FGVH) mengaku tanah itu aset dia, tapi kerajaan negeri tak bagi," kata pemimpin NGO yang dekat dengan Pakatan itu.

Mazlan yang juga ahli jawatankuasa Pusat PAS juga mendakwa, FGVH berbuat demikian bagi meyakinkan pelabur bahawa mereka mempunyai aset bagi tujuan penyenaian.

Bercakap dalam sidang media di ibu negara petang ini, Mazlan malah mendakwa kerajaan BN

TAK HABIS-HABIS UMNO MENIPU RAKYAT ...

Written by Administrator
Monday, 25 June 2012 12:21

di Perak dan Johor juga belum menyerahkan tanah negeri kepada Felda kerana surat tuntutan berkaitan baru dihantar pada 13 Jun.

"Baru sangat, macam mana Felda Global Ventures (boleh) masukkan dalam prospektus ini. Ini satu penipuan," katanya sambil mengangkat prospektus FGVH setebal lebih 1,000 halaman itu.

Kelantan akan diminta jadi saksi kes

Menurutnya lagi, sebanyak 18,000 hektar tanah peneroka "yang belum mendapat hak milik" di Negeri Sembilan turut dimasukkan dalam prospektus bagi tujuan penyenaian.

Ekoran perkara itu, Mazlan berkata, beberapa peneroka akan memfailkan injuksi menghalang penyenaian FGVH susulan daripada keadaan tersebut di Mahkamah Tinggi Kuantan pagi esok.

"Kita (juga) akan minta kerajaan negeri Kelantan menjadi saksi sekiranya kes ini didengari di mahkamah," tegas Mazlan yang belum mahu mendedahkan identiti pihak itu.

Sementara itu, Mazlan berkata, pihaknya juga akan meneruskan saman terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berhubung kenyataan kontroversi "haram jadah" kepada peneroka Felda.

"Dia tak jawab. Kita akan teruskan sama malu dalam tempoh terdekat.

"(Jumlahnya) RM10 juta seorang," katanya sambil berkata lapan peneroka akan meneruskan tindakan undang-undang itu.

MALU LAH BILA prospektus FGVH di buat untuk menipu pelabur dan rakyat .. TAK HABIS-HABIS PERANGAI PEMIMPIN UMNO NAK MENIPU RAKYAT .. KINI NAK MENIPU PELABUR PULA ... KO INGAT SAHAM AKAN NAIK BERBILLION KER KALAU MENIPU ...
????